

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Bil. P.T.G. Kn. 95/66/(19)

Kepada :

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah
Kelantan.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1967

PEMBERIAN MILIK TANAH DENGAN TIDAK DIKENAKAN HARGA TANAH TETAPI DIKENAKAN HASIL TAHUNAN YANG TINGGI

Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menimbangkan Kertas Bil.28/700/66 11(12) pada 18hb. Disember, 1966 dan dengan menggunakan kuasa-kuasa di bawah Peraturan 11 dan 15 daripada Peraturan Tanah Kelantan, 1966 memutuskan seperti berikut :-

- (a) Bagi pemberian milik tanah untuk tanaman getah atau kelapa sawit. Pemungut-pemungut Hasil tanah diberi kuasa menghapuskan bayaran harga tanah pada ketika tanah itu diberi milik tetapi hasil tanah dinaikkan untuk mengambil perkiraan harga tanah yang telah dihapuskan selama 5 tahun dan hasil tahunan yang dikenakan bagi tanah yang diberi milik itu ialah sebagaimana di bawah ini :-

| Bil | Keluasan Tanah | Hasil Tanah Tahunan selama 5 tahun |
|------------|-----------------------|---|
| 1. | 3 ekar | RM 33.90 |
| 2. | 4 ekar | RM 45.20 |
| 3. | 5 ekar | RM 56.50 |
| 4. | 6 ekar | RM 67.80 |
| 5. | 7 ekar | RM 79.10 |
| 6. | 8 ekar | RM 90.40 |
| 7. | 9 ekar | RM 101.70 |

- (b) Hasil tanah yang ditetapkan sebagaimana dalam perenggan (a) dikenakan daripada tahun yang pertama hingga kepada tahun yang ke 5.
- (c) Hasil yang dikenakan itu akan disemak semula setelah tamat tempoh 5 tahun dan dikenakan pula hasil mengikut sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Tanah pada masa penyemakan itu dijalankan.
- (d) Bagi tanah yang diberi milik di bawah syarat istimewa ini dikenakan syarat khas dan sekatan hak seperti berikut:-

Syarat Khas:

Tanah yang diberi milik ini hendaklah dijelaskan hasil sebanyak RM tiap-tiap tahun dari tarikh pendaftaran tanah ini selama 5 tahun dan selepas itu hasil tanah ini dikenakan mengikut kadar dalam Peraturan Tanah Kelantan, 1966.

Sekatan Hak :

Tanah yang diberi milik ini dalam masa 5 tahun dari tarikh pendaftaran tidak dibenarkan dibuat perkiraan jual beli melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Kelantan.

- (e) Keluasan tanah bagi tiap-tiap satu Permohonan yang boleh diberikan milik dengan cara ini hendaklah terhad kepada lebih kurang 6 ekar sahaja dan bagaimana tidak boleh kurang daripada 3 ekar atau tidak boleh lebih daripada 10 ekar bagi tiap-tiap satu permohonan.

- (f) Tanah yang diberi milik dengan cara yang diluluskan ini hanya untuk tanaman getah atau kelapa sawit sahaja.

t.t
(Hashim bin Aman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 21HB. JANUARI, 1967.

SIFIR BAYARAN ANSURAN PADA TIAP-TIAP TAHUN DALAM MASA 5 TAHUN

| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | (6) | (7) | (8) | (9) | |
|------|----------------|--------------------------------|----------------|-----------|--------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|--|-------------------------------------|
| BIL. | KELUASAN TANAH | HASIL TANAH BAGI TAHUN PERTAMA | BELANJA DAFTAR | UPAH UKUR | HARGA BATU (BAGI 4 BIJI) | SURAT MILIKI (PEJABAT TANAH) (QT) | JUMLAH BAYARAN TAHUN YANG PERTAMA | HASIL TAHUN BAGI TAHUN YANG KEDUA HINGGA TAHUN KE LIMA | JUMLAH SEMUA BAYARAN SELAMA 5 TAHUN |
| 1 | 3 ekar | RM 33.90 | RM 3.00 | RM45.00 | RM8.00 | RM3.00 | RM94.10 | RM33.90 | RM230.50 |
| 2 | 4 ekar | 45.20 | 3.00 | 53.00 | 8.00 | 3.00 | 114.20 | 45.20 | 295.00 |
| 3 | 5 ekar | 56.50 | 3.00 | 61.00 | 8.00 | 3.00 | 133.50 | 56.50 | 395.50 |
| 4 | 6 ekar | 67.80 | 3.00 | 70.00 | 8.00 | 3.00 | 153.80 | 67.80 | 425.00 |
| 5 | 7 ekar | 79.10 | 3.00 | 77.00 | 8.00 | 3.00 | 172.10 | 79.10 | 488.50 |
| 6 | 8 ekar | 90.40 | 3.00 | 84.00 | 8.00 | 3.00 | 190.40 | 90.40 | 552.00 |
| 7 | 9 ekar | 101.70 | 3.00 | 91.00 | 8.00 | 3.00 | 208.70 | 101.70 | 615.50 |